

17/11/1998

Sidang bincang pemulihan ekonomi

Bakhari Ariff; Nor Liza Ahmad

SIDANG kemuncak Kerjasama Ekonomi Asia-Pasifik (Apec) meneruskan kesinambungan program semasa dalam Liberasasi Perdagangan, Pelaburan dan Fasilitasi (TILF) serta program pemulihan ekonomi rantau Asia yang gawat berikutan serangan spekulatif mata wang sejak 17 bulan lalu.

Pelbagai program dan topik yang dibincangkan pastinya menumpukan kepada penyelesaian krisis kewangan serta menyediakan suasana baik untuk melaksanakan program kerja gagasan itu.

Mesyuarat peringkat tinggi itu akan menonjolkan isu penting berkaitan liberalisasi sistem kewangan sejagat dan sejauh mana fungsi serta sumbangan Apec dalam menangani masalah berkenaan.

Kuala Lumpur menjadi tuan rumah kepada pemimpin dari 21 negara, daripada 18 anggota Apec iaitu Australia, Brunei Darussalam, Kanada, Chile, China, Hong Kong, Indonesia, Jepun, Korea, Malaysia, Mexico, New Zealand, Papua New Guinea, Filipina, Singapura, Taiwan, Thailand dan Amerika Syarikat. Tiga anggota baru iaitu Russia, Peru dan Vietnam akan menyertai gagasan itu kali ini.

Selain itu, tiga badan turut menjadi pemerhati Apec, iaitu Sekretariat Kesatuan Negara Asia Tenggara (Asean), Majlis Kerjasama Ekonomi Pasifik (PECC) dan Forum Pasifik Selatan (SPF).

Sebelum itu, kira-kira 1,500 ketua eksekutif, pemimpin korporat dan ahli ekonomi menghadiri Majlis Penasih Perniagaan Apec (Abac) yang bertujuan menggalakkan perniagaan dan perikatan strategik di kalangan usahawan negara anggota.

Sebelum sidang kemuncak itu, Malaysia sudah menjadi tuan rumah beberapa siri mesyuarat peringkat menteri dan pegawai kanan Apec di Pulau Pinang, Kuantan dan Kuching.

Selain itu, beberapa siri mesyuarat lain peringkat menteri mengikut sektor seperti perdagangan, industri kecil dan sederhana, telekomunikasi, sains dan teknologi, isu wanita dan tenaga juga sudah dilaksanakan.

Malaysia membelanjakan hampir RM26 juta untuk memastikan perjalanan sidang kemuncak itu dapat dijayakan. Bagaimanapun, menurut Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz sektor swasta banyak membantu terutama dari segi membekalkan logistik dan buah tangan.

Persoalan krisis kewangan rantau ini dijangka menjadi topik hangat, walaupun topik ini pernah dibangkitkan dalam sidang kemuncak Apec di Vancouver tahun lalu.

Pemimpin ekonomi Apec bersetuju untuk menyelesaikan masalah ini secara bersama dengan meningkatkan peranan Apec terutama dari segi liberalisasi ekonomi.

Sidang kemuncak Vancouver juga bersetuju meningkatkan kerjasama dengan institusi kewangan antarabangsa bagi memperkukuhkan kembali pasaran kewangan di rantau ini.

Mesyuarat itu juga akan membincangkan dan mungkin meluluskan beberapa rangka kerja untuk kegiatan Liberalisasi Perdagangan, Pelaburan dan Fasilitasi (TILF) membabitkan Pelan Tindakan Individu (IAP) dan Pembukaan Awal Sektor Tertentu Secara Sukarela (EVSL).

Sidang kemuncak kali ini juga menekankan kegiatan Kerjasama Ekonomi dan Teknikal (Ecotech) bagi mengurangkan perbezaan ekonomi negara anggota selain menekankan pertumbuhan mapan dan pembangunan kemahiran bagi menghasilkan teknologi untuk masa depan.

Program kerja Apec yang baru iaitu perdagangan elektronik (E-Commerce) juga akan dibentangkan bertujuan meningkatkan penggunaannya di kalangan ekonomi Apec.

Selain, sidang kali ini akan turut membincangkan kepentingan industri kecil dan sederhana (IKS), iaitu untuk mencari pelan tindakan bersepadu pembangunan IKS, menangani kesan ketidakstabilan kewangan ke atas IKS di kalangan ekonomi ahli Apec serta penggunaan perdagangan secara elektronik dalam IKS.

Semua anggota Apec yakin terhadap kemampuan forum Apec memuktamadkan pakej yang baik bagi pengurangan tarif di bawah skim Liberalisasi Sukarela Awal Mengikuti Sektor (EVSL) meskipun beberapa keraguan yang ditimbulkan sesetengah pihak.

Sembilan sektor utama itu ialah barang permainan kanak-kanak, perjanjian saling mengiktiraf (MRA), keluaran perhutanan, keluaran perikanan, batu permata dan barang kemas, kelengkapan dan peralatan perubatan, barangan dan perkhidmatan alam sekitar dan tenaga serta bahan kimia.

Pada sidang kemuncak tahun lalu di Vancouver, ketua-ketua negara Apec mengenal pasti 15 sektor bagi liberalisasi termasuk sembilan di bawah program laluan pantas, tetapi hanya 12 bulan selepasnya, satu pakej yang kukuh telah berjaya dikemukakan.

Malaysia mungkin akan menjelas dan mengemukakan 'jalan' untuk mengatasi kegawatan ekonomi di rantau ini dalam menangani serangan spekulatif perdagangan mata wang.

Daripada ketua negara yang hadir, Perdana Menteri Jepun, Keizo Obuchi sudah menyatakan kesediaan melakukan lawatan hormat kepada rakan sejawatnya, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Sepatutnya, negara lain termasuk Amerika Syarikat dan Kanada mengambil sikap seperti Jepun dengan mengadakan rundingan dua hala dengan Dr Mahathir dan bukan dibelenggui isu dalaman negara ini.

Begitu juga Perdana Menteri Australia, John Howard, Presiden Filipina, Joseph Estrada dan Presiden Indonesia, BJ Habibie patut memberikan tumpuan kepada isu ekonomi rantau ini.

(END)